

AL-MAWT (الموت) DALAM AL-QURAN: KAJIAN DARI KONTEKS TAFSIR LUGHAWĪ

Oleh:

Ahmad Mujahideen b. Hj. Yusoff¹
Adnin Nadwa bt. Che Razali²

ABSTRAK

Al-Quran adalah sebuah kitab suci yang telah diturunkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dengan menggunakan bahasa yang sangat unik dan hebat sehingga dapat menusuk dan menggetarkan jiwa. Antara keunikan dan kehebatan bahasanya dapat diketahui dari aspek penggunaan dan kepelbagaian makna yang terkandung disebalik bahasa yang digunakan. Oleh itu, objektif artikel ini ialah untuk menyingkap keistimewaan dan keindahan bahasa al-Quran melalui lafaz “al-mawt”(mati) yang telah didatangkan bagi memperlihatkan keunikan dan kehebatan penggunaan dan makna lafaz tersebut. Artikel ini merupakan sebuah kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan metod pengumpulan data dan penganalisaan data. Artikel ini mengumpul dan menganalisa lafaz “al-mawt” (الموت) serta kosa katanya yang terdapat dalam al-Quran dari konteks tafsir lughawī. Hasil dapatan dari artikel ini dapat mengenal pasti penggunaan dan makna-makna lafaz “al-mawt” (الموت) serta kosa katanya dan sekaligus dapat merungkap keunggulan dan kehebatan susunan al-Quran yang penuh dengan keindahan dan mempersonakan serta mampu mendidik dan memberikan kesan terhadap jiwa seseorang.

Kata kunci: *Al-Mawt, al-Quran, Tafsir Lughawī*

¹ Ahmad Mujahideen b. Hj. Yusoff (MA), pensyarah di Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan dan calon Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, Kelantan.

² Adnin Nadwa bt. Che Razali, guru agama dan bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Tengku Amalin ‘Aisyah Putri, Kota Bharu, Kelantan.

PENDAHULUAN

Mati atau dalam bahasa Arab “*al-mawt*” (الموت) merupakan motivator terbaik untuk insan yang mencari jalan yang diredai oleh Allah S.W.T. Ini kerana, mati merupakan noktah terakhir bagi setiap insan mempersiapkan bekalan untuk kehidupan di alam seterusnya iaitu alam akhirat. Sehubungan dengan itu, Rasulullah S.A.W menyeru umatnya supaya sentiasa mengingatnya. Sabda Rasulullah S.A.W:

أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَٰذِمِ اللَّذَّاتِ يَغْنَى الْمَوْتُ.

*Perbanyakkanlah oleh kamu semua mengingati
pemutus kelazatan iaitu kematian³.*

Dalam artikel ini, pengkaji mengeluarkan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dan kosa katanya yang terdapat dalam al-Quran dan menganalisa lafaz-lafaz ini berdasarkan makna-maknanya. Artikel ini dimulai dengan pengenalan, kemudian dijelaskan definisi “*al-mawt*” (الموت) dari sudut bahasa dan kamus bahasa Arab, penggunaan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dan kosa katanya dalam al-Quran, lafaz “*al-mawt*” (الموت) dan kosa katanya dalam al-Quran, keunikan penggunaan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam al-Quran dan diakhiri dengan penutup.

DEFINISI “AL-MAWT” (الموت) DARI SUDUT BAHASA DAN KAMUS BAHASA ARAB

Perkataan “*al-mawt*” (الموت) merupakan *maṣdar* (مصدر) iaitu kata terbitan kepada kata kerja “*māta*” (مات). Jika ditafsirkan perkataan ini menurut Ilmu Morfologi Arab, maka terbentuklah pola-pola berikut⁴:

- | | |
|---|-------------------------------|
| 1. <i>Maṣdar</i> | : الْمَوْتُ |
| 2. <i>Al-Fi’l al-māḍī</i> | : مَاتَ |
| 3. <i>Al-Fi’l al-muḍāri’</i> | : يَمُوتُ - يَمَاتُ - يَمِيتُ |
| 4. <i>Fi’l al-amr</i> | : مِتْ |
| 5. <i>Ṣifāh mushabbahah bi ism al-fā’il</i> | : مَيِّتٌ - مَيِّتٌ - مَوْتَى |

³ Muḥammad b. ‘Isā b. Sawrah al-Tirmidhī (1417H), *Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Zuhd, Bāb Mā Jā’ fi Dhikr al-Mawt*, no. h. 2307, al-Riyāḍ: Maktabat al-Ma‘ārif, h. 522. al-Tirmidhī mengatakan hadis ini *ḥasan gharīb*.

⁴ Muḥammad b. Ya’qūb al-Fayrūz Ābādī (1997), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, j. 1, Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 258-259.

Lafaz “*al-mawt*” (الموت) seperti yang dipaparkan dalam kamus bahasa Arab membawa pelbagai maksud:

1. Lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam *Mu’jam Maqāyīs al-Lughah*⁵:
Ibn Fāris menjelaskan bahawa “*al-mawt*” (الموت) digunakan untuk maksud-maksud berikut:
 - i. Hilang kekuatan atau kuasa dari sesuatu.
 - ii. Berlawanan dengan hidup.
 - iii. Tanah yang belum diusahakan, jika digunakan dengan lafaz “*al-mawāt*” (الموات).
2. Lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam *Lisān al-‘Arab*⁶:
Ibn Manẓūr menyatakan bahawa “*al-mawt*” (الموت) bermaksud:
 - i. Lawan kepada hidup.
 - ii. Tidak bergerak atau diam.
 - iii. Sedih atau takut.
 - iv. Keadaan yang sulit.
 - v. Tidur yang nyenyak.
 - vi. Kejahilan.
 - vii. Hilang akal, jika digunakan dengan lafaz “*al-mawtah*” (الموتة).
 - viii. Tidak pandai, jika digunakan dengan lafaz “*mawt al-fu’ād*” (موت الفؤاد).
 - ix. Sesuatu yang mati tanpa disembelih, jika digunakan dengan lafaz “*al-maytah*” (الميتة).
 - x. Sesuatu yang tidak mempunyai roh, jika digunakan dengan lafaz “*al-mawāt*” (الموات).

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa lafaz “*al-mawt*” (الموت) dari sudut bahasa dan kamus bahasa Arab boleh digunakan dalam beberapa maksud. Lafaz “*al-mawt*” (الموت) digunakan untuk menunjukkan mati (lawan hidup), tidak bergerak, sedih, takut, tidur yang nyenyak, kejahilan, hilang kuasa atau kekuatan. Lafaz ini juga digunakan untuk menunjukkan keadaan yang sulit. Lafaz “*al-maytah*” (الميتة) bermaksud sesuatu yang mati tanpa disembelih, manakala lafaz “*al-mawāt*” (الموات) bermaksud sesuatu yang tidak mempunyai roh dan tanah yang belum diusahakan. Lafaz “*al-mawtah*” (الموتة) pula bermaksud hilang akal. Jika

⁵ Aḥmad b. Zakariyyā b. Fāris (1997), *Mu’jam Maqāyīs al-Lughah*, j. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 283.

⁶ Muḥammad b. Mukarram b. Manẓūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, j. 2, Bayrūt: Dār Ṣādir, h. 90.

digabungkan lafaz “*mawtān*” (موتان) dengan “*al-fu’ād*” (الغواد), ia bermaksud tidak pandai.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa lafaz “*al-mawt*” (الموت) dari sudut bahasa dan kamus bahasa Arab boleh digunakan untuk benda yang bernyawa seperti manusia dan haiwan serta lafaz ini juga boleh digunakan untuk benda yang tidak bernyawa seperti tanah dan angin.

PENGUNAAN LAFAZ “AL-MAWT” (الموت) DAN KOSA KATANYA DALAM AL-QURAN

Lafaz “*al-mawt*” (الموت) merupakan salah satu lafaz yang Allah S.W.T gunakan dalam al-Quran secara berulang kali. Allah S.W.T telah menggunakan lafaz tersebut sebanyak 165 kali. Al-Quran menggunakan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam dua bentuk, iaitu bentuk kata nama sebanyak 105 kali dan bentuk kata kerja sebanyak 60 kali.

Penggunaannya dalam bentuk kata nama melibatkan pola *maṣḍar* (مصدر) sebanyak 56 kali, iaitu 53 kali dengan lafaz-lafaz “*al-mawt*” (الموت), “*mawtan*” (موتا), “*mawtakum*” (موتكم), “*mawtah*” (موتة), “*mawtahā*” (موتتها), “*al-mawtah*” (الموتة) dan “*mawtatanā*” (موتتنا), manakala tiga kali dengan lafaz “*al-mamāt*” (الممات), “*mamātuhum*” (مماتهم) dan “*mamātī*” (مماتي). Selain itu, penggunaannya dalam pola *ṣifāh mushabbahah bi ism al-fā’il* (صفة مشبهة باسم الفاعل) sebanyak 49 kali, iaitu 23 kali dalam bentuk *mufrad* (مفرد) dengan lafaz-lafaz “*maytan*” (ميئا), “*al-maytah*” (الميتة) dan “*al-mayyit*” (الميت), manakala 26 kali dalam bentuk *jam’* (جمع) dengan menggunakan lafaz-lafaz “*al-mawtā*” (الموتى), “*amwāt*” (أموات), “*amwatan*” (أمواتا), “*mayyitūn*” (ميتون) dan “*mayyitīn*” (ميتين).

Penggunaannya dalam bentuk kata kerja pula menggunakan pola *al-fi’l al-māḍī* (الفعل الماضي) sebanyak 24 kali melibatkan lafaz-lafaz “*māta*” (مات), “*mātū*” (ماتوا), “*mittu*” (مت), “*mittum*” (متم), “*muttum*” (متمم), “*mitnā*” (متنا), “*amāta*” (أمات), “*amattanā*” (أمتنا) dan “*amātahu*” (أماته). Manakala *fi’l al-muḍā’irī* (فعل المضارع) sebanyak 34 kali melibatkan lafaz-lafaz “*yamūtu*” (يموت), “*amūtu*” (أموت), “*tamut*” (تمت), “*namūtu*” (نموت), “*tamūtu*” (تموت), “*yamut*” (يمت), “*tamūtunna*” (تموتن), “*yamūtū*” (يموتوا), “*tamūtūn*” (تموتون), “*yamūtūn*” (يموتون), “*amītu*” (أميت), “*numītu*” (نميت), “*yumītu*” (يميت).

“yumītukum” (يُمِيتُكُمْ) dan “yumītunī” (يُمِيتُنِي). Sementara *fi’l al-amr* (فعل الأمر) pula sebanyak dua kali melibatkan lafaz “mūtū” (موتوا).⁷

Penggunaan dalam pola *al-fi’l al-māḍī* (الفعل الماضي) dan pola *al-fi’l al-muḍāri’* (الفعل المضارع) menggunakan dua bentuk iaitu *al-fi’l al-lāzīm* (الفعل اللازم) iaitu kata kerja tidak transitif yang bermaksud mati dan *al-fi’l al-muta’addī* (الفعل المتعدي) iaitu kata kerja transitif yang bermaksud mematikan.

LAFAZ “AL-MAWT” (الموت) DAN KOSA KATANYA DALAM AL-QURAN

Terdapat banyak lafaz “*al-mawt*” (الموت) dan kosa katanya dalam al-Quran. Antara lafaz-lafaz tersebut ialah:

1. Lafaz “*al-mawt*” (الموت) pada firman Allah S.W.T:

أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ تَجْعَلُونَ أَصْبَعَهُمْ فِي
ءِذَائِهِمْ مِّنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ ۗ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ ﴿١٩﴾
يَكَادُ الْبَرْقُ تَخْطَفُ أَبْصَارَهُمْ ۖ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَّشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ
عَلَيْهِمْ قَامُوا ۖ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ
عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

(Al-Baqarah 2: 19-20)

Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap-gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu. Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka; tiap-tiap kali kilat itu menerangi

⁷ Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī (1994), *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān*, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 851-854.

*mereka (dengan pancarannya), mereka berjalan dalam cahayanya. dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya), dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya dihilangkannya pendengaran dan penglihatan mereka; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu*⁸.

Ayat 19 dan 20 ini diturunkan berkenaan dua orang munafik Madinah yang lari dari ajaran Rasulullah S.A.W dan menuju ke tempat orang musyrik. Dalam perjalanan, mereka ditimpa hujan yang lebat dan guruh yang dahsyat. Akibat ketakutan, mereka kembali pulang dan menyesali perbuatan mereka. Kemudian mereka mengadap Rasulullah S.A.W untuk kembali memeluk agama Islam⁹

Dalam ayat sebelumnya iaitu ayat 17 dan 18, Allah S.W.T telah mengumpamakan sikap golongan munafik dengan orang yang menghidupkan api dalam kegelapan malam. Namun apabila api itu menerangi sekeliling mereka, lantas terpapar di hadapan mereka jalan kebenaran. Namun mereka dapati jalan kebenaran itu tidak sehaluan dengan keinginan hawa nafsu mereka. Lalu mereka menjauhi api tersebut mengingkari hidayah yang diberikan dan mengabaikan jalan kebenaran yang Allah S.W.T sediakan. Maka Allah S.W.T hilangkan cahaya hidayah yang menerangi mereka dan dibiarkan mereka dalam gelap-gelita. Mereka pun menjadi orang yang pekak, bisu dan buta hidayah Allah S.W.T¹⁰.

Manakala dalam ayat ini, Allah S.W.T mengumpamakan orang munafik yang masih mempunyai kecenderungan kepada Islam seperti golongan yang ditimpa hujan yang lebat dan ketika itu petir sabung-menyabung. Apabila mereka mendengar petir, mereka pun menutup telinga mereka kerana takutkan “*al-mawt*” (الموت). Apabila petir memancar, mereka berjalan dalam cahaya petir tersebut. Apabila cahaya petir menghilang dan kegelapan menyelubungi mereka, mereka berhenti dalam keadaan kebingungan. Perumpamaan ini bermaksud orang munafik yang masih mempunyai kecenderungan kepada Islam, mereka masih memiliki cetusan rasa untuk mendengar ajaran Islam. Namun begitu, cetusan tersebut hanyalah sedikit sahaja. Kerap kali mereka memasukkan

⁸ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*.

⁹ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*, j. 1, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 90-91.

¹⁰ ‘Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah (1992), *Amthāl al-Qur‘ān*, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 351.

jari mereka ke telinga untuk tidak mendengar ajaran Islam seolah-olah takutkan petir yang membawa “*al-mawt*” (الموت). Mereka ini kadang-kadang mengikut hidayah dan ajaran Islam tetapi untuk jangka masa yang singkat umpama cahaya petir yang tidak kekal.

Al-Alūsī menyatakan ketika menafsirkan “*ḥadara al-mawt*” (حضر الموت) berdasarkan maksud yang masyhur ialah mati¹¹. Makna ini dipersetujui oleh Abū Hayyān al-Andalūsī dengan menyatakan bahawa mati ialah pemisah antara roh dan jasad dengan makna secara hakikat¹².

2. Lafaz “*al-mawt*” (الموت) pada firman Allah S.W.T:

وَأَسْتَفْتَحُوا وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾ مِّنْ وَرَائِهِ جَهَنَّمُ
وَيُسْقَىٰ مِنْ مَّاءٍ صَدِيدٍ ﴿١٦﴾ يَتَجَرَّعُهُ وَلَا يَكَادُ يُسِغُهُ وَيَأْتِيهِ
الْمَوْتُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ ^ط وَمِنْ وَرَائِهِ عَذَابٌ
غَلِيظٌ ﴿١٧﴾

(Ibrāhīm 14: 15-17)

Dan (rasul-rasul serta umatnya yang beriman) memohon pertolongan (kepada Allah untuk mendapat kemenangan); dan terkecewalah tiap-tiap orang yang sombong takbur lagi bersikap degil (dalam keingkarannya). Di belakangnya disediakan neraka Jahannam dan ia akan diberi minum dari air danur (yang keluar dari tubuh ahli neraka). Ia meminumnya dengan terpaksa dan hampir-hampir tidak dapat diterima oleh tekaknya (kerana busuknya) dan ia didatangi (penderitaan) maut dari segala arah sedang ia tidak pula mati (supaya terlepas dari azab seksa itu); dan selain dari itu, ada lagi azab seksa yang lebih berat.

Ayat-ayat ini menceritakan azab pembalasan Allah S.W.T terhadap kaum Nabi Nuh a.s.. Ayat sebelumnya menjelaskan bahawa mereka

¹¹ Maḥmūd b. ‘Abd Allāh al-Alūsī (1415H), *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa al-Sab’ al-Mathānī*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 176.

¹² Abū Hayyān Muḥammad b. Yūsuf al-Andalūsī (1993), *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 373.

bersikap ganas terhadap rasul mereka. Oleh kerana kekuatan yang mereka miliki, mereka telah memberi kata dua kepada rasul mereka sama ada diusir dari tempat mereka atau kembali kepada agama peninggalan datuk nenek mereka. Namun Allah S.W.T mewahyukan kepada rasul walaupun kamu lemah, bahawa Allah S.W.T akan memberi pertolongan dan memusnahkan mereka¹³.

Al-Farrā' ketika menerangkan maksud lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam ayat ini menjelaskan bahawa Ibn ‘Abbās menyatakan bahawa “*ya’tīh al-mawt*” (يَأْتِيهِ الْمَوْتُ) bermaksud “azab mendatangnya dari arah hadapan, belakang, kiri dan kanan”¹⁴. Kata-kata Ibn ‘Abbas ini menjelaskan bahawa lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam ayat ini bermaksud azab.

3. Lafaz “*al-mawt*” (الموت) pada firman Allah S.W.T:

وَأَلَّتِي يَأْتِيَنَّ الْفَحِشَةَ مِنْ نِسَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً
مِّنْكُمْ فَإِنْ شَهِدُوا فَأَمْسِكُوهُنَّ فِي الْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّيَهُنَّ
الْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ﴿١٥﴾

(Al-Nisā’ 4: 15)

Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. Kemudian kalau keterangan-keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan tersebut, maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah hingga mereka sampai ajal matinya atau hingga Allah mengadakan untuk mereka jalan keluar (dari hukuman itu).

Dalam ayat ini, Allah S.W.T menerangkan hukum bagi wanita yang berzina di awal pensyariatkan hukum Islam. Wanita yang melakukan zina dan telah disabitkan penzinaannya dengan penyaksian oleh empat orang

¹³ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 13, h. 225-226.

¹⁴ Yahyā b. Ziyād al-Farrā’ (1955), *Ma’ānī al-Qur’ān*, j. 2, Miṣr: Dār al-Miṣriyyah, h. 72.

saksi lelaki, maka hendaklah dikurung dalam rumahnya sehingga mati. Hukuman ini kekal sehingga Allah S.W.T mengadakan jalan keluar dengan menurunkan hukuman lain.

Lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam ayat ini digabungkan dengan lafaz “*yatawaffā*” (يتوفى). Jika diteliti dari sudut bahasa, lafaz tersebut bermaksud mengambil nyawa. Struktur ayat ini menjelaskan “*al-mawt*” (الموت) mengambil nyawa perempuan-perempuan yang melakukan zina. Al-Zamakhsharī berkata, lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam ayat ini bermaksud malaikat maut¹⁵. Tafsiran ini disokong oleh Wahbah al-Zuhaylī. Beliau menyatakan bahawa ayat ini mengandungi unsur *majāz* ‘*aqlī*’ (مجاز عقلي) dan maksudnya ialah Allah S.W.T atau malaikat maut mengambil nyawa mereka¹⁶.

4. Lafaz “*amwatan*” (أمواتا) pada firman Allah S.W.T:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ
ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾

(Al-Baqarah 2: 28)

Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Dia menghidupkan kamu; setelah itu Dia mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu pula (pada hari Akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepadaNya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan).

Dalam ayat ini, Allah S.W.T menjelaskan tentang kekuasaanNya mencipta manusia dan mematikannya. Seterusnya Dia menghidupkannya kembali pada hari Akhirat untuk dihisab amalan dan diberi ganjaran atau pembalasan. Dalam ayat sebelumnya, Allah S.W.T telah menyatakan tentang sikap dan pendirian orang-orang kafir dan fasik terhadap al-Quran. Manakala dalam ayat ini, Allah S.W.T menyoal mereka: Bagaimanakah kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah S.W.T padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), maka Kami hidupkan kamu? Soalan Allah S.W.T ini bukan bermaksud Allah S.W.T tidak mengetahui jawapannya

¹⁵ Maḥmūd b. ‘Amrū al-Zamakhsharī (1407H), *al-Kashshāf ‘an Haqā’iq al-Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*, j. 4, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 487.

¹⁶ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 4, h. 288.

tetapi Muḥammad Mutawallī al-Sha'rawī menyatakan bahawa soalan ini sebenarnya satu penghinaan Allah S.W.T terhadap mereka¹⁷. Penggunaan gaya bahasa “*iltifāt*” (التفات)¹⁸ dalam ayat ini mengukuhkan lagi maksud ini.

Al-Dahhāk menjelaskan daripada Ibn ‘Abbās bahawa maksud “*wa kuntum amwatan*” (وكنتم أمواتا) ialah dulunya kamu dalam keadaan tanah sebelum kamu diciptakan¹⁹. Al-Rāzī pula menyatakan maksud dulunya kamu dalam keadaan tanah dan air mani kerana permulaan ciptaan Nabi Adam a.s. daripada tanah, manakala ciptaan semua manusia daripada air mani kecuali Nabi ‘Isa a.s.²⁰.

5. Lafaz “*al-mawtā*” (الموتى) pada firman Allah S.W.T:

إِنَّكَ لَا تَسْمِعُ الْمَوْتَى وَلَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ



(Al-Naml 27: 80)

Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati (hatinya) itu menerima ajaranmu, dan tidak dapat menjadikan orang-orang yang pekak itu mendengar seruanmu, apabila mereka berundur ke belakang (disebabkan keingkarannya).

Dalam ayat ini Allah S.W.T mengumpamakan orang-orang yang mengingkari ajaran al-Quran sebagai “*al-mawtā*” (الموتى) dengan menggunakan *isti’ārah tamthīliyyah* (استعارة تمثيلية)²¹. Persoalannya, kenapakah Allah S.W.T mengumpamakan mereka dengan “*al-mawtā*” (الموتى)?

¹⁷ Muḥammad Mutawallī al-Sha'rawī (1991), *Tafsīr al-Sha'rawī*, j. 1, Miṣr: Akhbār al-Yawm, h. 223.

¹⁸ *Iltifāt* dalam ayat ini bermaksud Allah S.W.T telah menukarkan kata ganti nama ketiga dalam ayat sebelum ini kepada kata ganti nama kedua.

¹⁹ Isma’īl b. ‘Umar b. Kathīr (1419H), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 120.

²⁰ Muḥammad b. ‘Umar al-Rāzī (2000), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 139.

²¹ *Isti’ārah tamthīliyyah* ialah frasa yang memberi maksud tersirat disebabkan wujudnya hubungan persamaan yang menghalang dari pemberian makna yang tersurat. Lihat al-Sayyid Aḥmad al-Hāshimī (1994), *Jawāhir al-Balāghah*, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 286.

Ibn ‘Adil menjelaskan bahawa “*al-mawtā*” (الموتى) dalam ayat tersebut bermaksud orang yang hilang kuasa akal fikirannya²². Oleh itu, perumpamaan ini amat tepat dan sesuai kerana terdapat hubungan persamaan di antara sikap orang yang ingkar dengan orang yang hilang kuasa akal fikirannya. Ini kerana kedua-dua mereka tidak mampu untuk memahami dan menilai kebenaran al-Quran dan segala ajaran yang terkandung di dalamnya.

6. Lafaz “*al-maytah*” (الميتة) pada firman Allah S.W.T:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَّ بِهِ
لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

(Al-Baqarah 2: 173)

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai dan darah dan daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Ayat ini menjelaskan tentang makanan yang diharamkan oleh Allah S.W.T kepada umat Islam. Ayat sebelum ini pula memerintah orang mukmin supaya memakan makanan yang halal dan mensyukuri rezeki yang dikurniakan oleh Allah S.W.T.

Dalam ayat ini Allah S.W.T telah menerangkan bahawa di antara makanan yang diharamkan ialah²³:

- i. “*al-Maytah*” (الميتة) iaitu bukan bermaksud semua binatang tetapi

²² ‘Umar b. ‘Alī b. ‘Ādil (1998), *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*, j. 11, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 360.

²³ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 2, h. 78-80.

- bermaksud binatang yang mati tanpa disembelih secara syarak kecuali ikan dan belalang.
- ii. Darah kecuali hati dan limpa.
 - iii. Daging babi termasuk lemaknya.
 - iv. Binatang yang disembelih bukan kerana Allah S.W.T.

Dalam ayat ini juga Allah S.W.T menyatakan bahawa binatang yang diharamkan ini akan diharuskan untuk dimakan jika berada dalam keadaan darurat untuk mengelakkan dari mati.

7. Lafaz “*mayyit*” (الميت) pada firman Allah S.W.T:

وَاللَّهُ الَّذِي أَرْسَلَ الرِّيحَ فَثَبِيرُ سَحَابًا فَسَقْنَهُ إِلَى بَلَدٍ مَيِّتٍ
فَأَحْيَيْنَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا كَذَلِكَ النُّشُورُ ﴿٩﴾

(Fāṭir 35: 9)

Dan Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan, kemudian Kami halakan awan itu ke negeri yang mati (yang kering kontang); lalu Kami hidupkan bumi sesudah matinya dengan (hujan dari awan) itu. Sedemikian itu pula kebangkitan manusia (hidup semula sesudah mati).

Dalam ayat ini Allah S.W.T menggambarkan tentang kekuasaanNya untuk menyatakan kebenaran hari kebangkitan. Antaranya ialah menghidupkan negeri yang mati dengan menurunkan hujan. Kemampuan Allah S.W.T tersebut menunjukkan bahawa Allah S.W.T juga mampu menghidupkan kembali manusia yang telah mati.

Jika diperhatikan kepada ayat ini, jelaslah Allah S.W.T telah menggunakan gaya bahasa “*iltifāt*” (التفات)²⁴ dalam menjelaskan kekuasaanNya. Wahbah al-Zuhaylī menjelaskan bahawa Allah S.W.T menggunakan gaya bahasa ini untuk menunjukkan keagunganNya²⁵. Penggunaan lafaz “*balad mayyit*” (بلد ميت) menimbulkan persoalan: Kenapakah Allah S.W.T menyifatkan negeri dengan perkataan mati? Apakah maksud “*mayyit*” (ميت) dalam ayat tersebut? ‘Abd al-Raḥmān

²⁴ *Ilṭifāt* dalam ayat ini bermaksud Allah S.W.T telah menukarkan kata ganti nama ketiga di awal ayat ini “*arsala*” kepada kata ganti nama pertama dalam bentuk *jam’* “*fasuqnāhu*”.

²⁵ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 22, h. 234.

Ḥasan Ḥabannakah menjelaskan ayat ini membawa maksud buminya yang tiada sebarang tumbuh-tumbuhan²⁶.

Kesimpulan dari ayat-ayat al-Quran di atas menunjukkan bahawa Allah S.W.T menggunakan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dan kosa katanya untuk benda yang bernyawa dan tidak bernyawa. Namun begitu, maksud “*al-mawt*” (الموت) yang masyhur ialah pemisahan badan dengan roh. Selain itu, lafaz “*al-mawt*” (الموت) yang digunakan dalam al-Quran juga menunjukkan makna-makna berikut:

- i. Malaikat maut.
- ii. Azab neraka.
- iii. Tanah atau air mani.
- iv. Orang yang hilang kuasa akal fikirannya.
- v. Binatang yang mati tanpa disembelih.
- vi. Tanah yang kering-kontang tiada tumbuh-tumbuhan.

KEUNIKAN PENGGUNAAN LAFAZ “AL-MAWT” (الموت) DALAM AL-QURAN

Penggunaan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dan kosa katanya menunjukkan keindahan bahasa al-Quran dan keunikannya dalam menyampaikan maksud ayat dan pengajarannya. Di antara keunikannya yang dikenalpasti ialah:

1. Kekerapan penggunaan lafaz “*al-mawt*” (الموت) menunjukkan kepentingan untuk sentiasa mengingatnya.

Allah S.W.T menggunakan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam ketiga-tiga pola kata kerja:

- i. *Al-Fi’l al-māḍī* (الفعل الماضي), firman Allah S.W.T:

²⁶ ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah (1992), *op. cit.*, h. 148.

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ
أَنقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا
وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾
(Āl ‘Imrān 3: 144)

ii. *Al-Fi’l al-muḍāri’* (الفعل المضارع), firman Allah S.W.T:

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ حَيًّا ﴿٣٣﴾
(Maryam 19: 33)

iii. *Fi’l al-amr* (فعل الأمر), firman Allah S.W.T:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ
فَقَالَ لَهُمْ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى
النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾
(Al-Baqarah 2: 243)

Selain itu, Allah S.W.T menggunakan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam bentuk kata nama seperti firmanNya:

قُلْ إِنْ كَانَتْ لَكُمْ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً مِّنْ دُونِ
النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٤﴾
(Al-Baqarah 2: 94)

Penggunaan pola *fi’l al-amr* (فعل الأمر) seolah-olah menunjukkan bahawa Allah S.W.T menyuruh manusia supaya sentiasa mengingati mati. Penggunaan pola *al-fi’l al-māḍī* (الفعل الماضي) yang menunjukkan masa lalu dan pola *al-fi’l al-muḍāri’* (الفعل المضارع) yang menunjukkan masa

sekarang dan akan datang seolah-olah menggambarkan bahawa mati perlu diingati dahulu, sekarang dan akan datang.

Manakala penggunaannya dalam bentuk kata nama seolah-olah menggambarkan bahawa mengingati mati itu perlu kekal dalam sanubari manusia. Ini selaras dengan penggunaan kata nama dalam bahasa Arab yang menunjukkan sesuatu yang tetap.

2. Penggunaan al-Quran menjelaskan bahawa mati merupakan perkara yang ditakuti oleh manusia.

Penggunaan lafaz “*al-mawt*” (الموت) jika digunakan dalam struktur *jumlah fi’liyyah* (جملة فعلية)²⁷ menunjukkan bahawa ianya tidak mengikut struktur ayat yang normal iaitu mendahulukan objek “*maf’ūl bih*” (مفعول به) daripada pelaku “*fā’il*” (فاعل). Contohnya firman Allah S.W.T:

أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ
مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ
وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٣﴾

(Al-Baqarah 2: 133)

Dalam ayat ini, lafaz “*al-mawt*” (الموت) iaitu pelaku dikemudiankan daripada “*ya’qūb*” iaitu objek. Struktur ini menunjukkan wujudnya *taqdīm* (تقديم) dan *ta’khīr* (تأخير) dalam ayat tersebut. Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī dalam mengulas ayat ini menyebut hikmah *ta’khīr* (تأخير) lafaz “*al-mawt*” (الموت) menunjukkan bahawa mati merupakan perkara yang paling ditakuti oleh manusia dan Allah S.W.T mengambil kira perasaan manusia dalam menggambarkan tentang mati²⁸.

3. Al-Quran menunjukkan bahawa mati datang dalam dua keadaan. Allah S.W.T telah menyandarkan lafaz “*al-mawt*” (الموت) kepada dua kata kerja iaitu “*ḥaḍara*” (حضر) dan “*jā*” (جاء). Lafaz “*ḥaḍara al-mawt*” (حضر الموت) telah digunakan dalam empat ayat. Contohnya firman Allah S.W.T:

²⁷ Ayat yang dimulakan dengan kata kerja.

²⁸ Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālīdī (1998), *Laṭā’if Qur’āniyyah*, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 114.

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ
لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾
(Al-Baqarah 2: 180)

Manakala lafaz “*jā’ al-mawt*” (جاء الموت) telah digunakan dalam dua ayat. Contohnya firman Allah S.W.T:

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ ﴿٩٩﴾
(Al-Mu’minūn 23: 99)

Jika dirujuk dari sudut bahasa, “*jā’ al-mawt*” (جاء الموت) adalah seperti dengan “*ḥaḍara al-mawt*” (حضر الموت) iaitu bermaksud mati telah tiba. Namun jika dirujuk dari sudut penggunaan al-Quran, Allah S.W.T telah membezakan antara kedua-dua penggunaannya. Apabila mati itu tiba secara tiba-tiba tanpa sebarang tanda dan manusia pada ketika itu tenggelam dengan tipudaya dunia, maka Allah S.W.T menggunakan lafaz “*jā’ al-mawt*” (جاء الموت), manakala jika mati itu datang menghampiri manusia dan menunjukkan tanda-tandanya seperti sakit dan manusia pada ketika itu sempat bersedia menghadapinya, maka Allah S.W.T menggunakan lafaz “*ḥaḍara al-mawt*” (حضر الموت).

Kesimpulannya, penggunaan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dan kosa katanya dalam al-Quran sememangnya unik. Ini kerana, lafaz ini menunjukkan tiga makna berikut:

- i. Manusia perlu mengingati mati setiap masa dan ketika.
- ii. Mati merupakan perkara yang paling ditakuti oleh manusia.
- iii. Mati berlaku dalam dua keadaan iaitu kematian secara mengejut dan kematian setelah datang tanda-tandanya.

PENUTUP

Lafaz “*al-mawt*” (الموت) dan kosa katanya telah digunakan sebanyak 165 kali dalam al-Quran, iaitu 105 kali dalam bentuk kata nama dan 60 kali dalam bentuk kata kerja. Lafaz “*al-mawt*” (الموت) mempunyai banyak

makna. Namun begitu, maknanya yang masyhur dalam penggunaan al-Quran ialah pemisahan antara badan dan roh. Lafaz “*al-mawt*” (الموت) boleh digunakan untuk benda yang bernyawa dan boleh juga digunakan untuk benda yang tidak bernyawa. Pengajaran dari keunikan penggunaan lafaz “*al-mawt*” (الموت) dalam al-Quran ialah manusia perlu mengingati mati setiap masa dan ianya merupakan perkara yang paling ditakuti oleh manusia. Kematian boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu kematian secara mengejut dan kematian setelah keluar tanda-tandanya.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur’ān al-Karīm

‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah (1992), *Amthāl al-Qur’ān*, Dimashq: Dār al-Qalam.

Abū Ḥayyān Muḥammad b. Yūsuf al-Andalūsī (1993), *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ahmad b. Zakariyyā b. Fāris (1997), *Mu’jam Maqāyīs al-Lughah*, Bayrūt: Dār al-Fikr.

Al-Alūsī, Maḥmūd b. ‘Abd Allah (1415H), *Rūḥ al-Ma’ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa al-Sab’ al-Mathānī*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Farrā’, Yaḥyā b. Ziyād (1955), *Ma’ānī al-Qur’ān*, Miṣr: Dār al-Miṣriyyah.

Al-Khālīdī, Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ (1998), *Laṭā’if Qur’āniyyah*, Dimashq: Dār al-Qalam.

Al-Rāzī Muḥammad b. ‘Umar (2000), *al-Tafsīr al-Kabīr*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Sayyid Aḥmad al-Hāshimī (1994), *Jawāhir al-Balāghah*, Bayrūt: Dār al-Fikr.

Al-Sha’rāwī, Muḥammad Mutawallī (1991), *Tafsīr al-Sha’rāwī*, Miṣr: Akhbār al-Yawm.

Al-Tirmidhī, Muḥammad b. ‘Īsā b. Sawrah (1417H), *Sunan al-Tirmidhī*, Al-Riyād: Maktabat al-Ma’ārif.

Al-Zamakhsharī, Maḥmūd b. ‘Amrū (1407H), *al-Kashshāf ‘an Haqā’iq al-Ghawāmid al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.

Al-Zuhaylī, Wahbah (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī’ah wa al-Manhaj*, Dimashq: Dār al-Fikr.

Ismā’īl b. ‘Umar b. Kathīr (1419H), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muḥammad b. Mukarram b. Manẓūr (1990), *Lisān al-‘Arab*, Bayrūt: Dār Ṣādir.

Muḥammad Fuā’d ‘Abd al-Bāqī (1994), *al-Mu’jam al-Mufāhras li Alfāz al-Qur’ān*, Dimashq: Dār al-Qalam.

Muḥammad Nor b. Hj. Ibrahim (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Muḥammad b. Ya’qūb al-Fayrūz Ābādī (1997), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, Bayrūt: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.

‘Umar b. ‘Alī b. ‘Ādil (1998), *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.